

11/07/2002

`Kecaman Nik Aziz tidak adil'

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Penerangan menganggap kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang mengecam siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai sesuatu yang tidak adil.

Setiausaha Parlimennya, Datuk Zainuddin Maidin, berkata dakwaan Nik Aziz yang menyatakan RTM menyalahgunakan kuasa kerana menyiar klip video Ahli Parlimen Kuala Kedah Mohamad Sabu, adalah tidak berasas.

"Klip video yang disiarkan RTM itu adalah sebenarnya dipetik daripada cakera padat yang dipasarkan oleh Pas di seluruh negara.

"Bagaimanapun, Pas mungkin terkejut apabila menyedari siaran itu disaksikan secara terbuka dan tidak lagi satu penyebaran yang terhad," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mohamad Sabu dan Ahli Parlimen Sik, Prof Datuk Shahnnon Ahmad, didapati menghina dan mengumpat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sedutan kata-kata kesat Mohamad yang juga Timbalan Pesuruhjaya Pas Kedah terhadap Dr Mahathir, disiarkan melalui Saluran Perdana RTM.

Antara lain Mohamad yang lebih dikenali sebagai Mat Sabu, menyifatkan Perdana Menteri sebagai orang gila dan haprak.

Zainuddin berkata, Nik Aziz berkemungkinan sedar bahawa ia adalah sesuatu yang bersifat jahat selepas beliau sendiri merasakan kesan daripada tayangannya menerusi RTM.

"Saya percaya Umno tidak merasa begitu tersinggung dengan anggapan atau tuduhan Nik Aziz yang mengatakan orang Umno juga bermulut jahat, tetapi sebagai ulama, beliau lebih faham bahawa adalah lebih jahat lagi jika perkataan tidak sopan dikeluarkan.

"Tambahan pula perkataan itu dikeluarkan dari mereka yang mendakwa diri sebagai pejuang Islam dan menjunjung ajarannya," katanya.